

Kerjasama bidang teknikal

RANGKAIAN Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) mencapai persetujuan dengan Institut Teknologi Ireland (IOTI) baru-baru ini bagi melaksanakan pelbagai kerjasama dua hala dalam bidang pengajian teknikal.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron, berkata antaranya pelajar empat universiti teknikal iaitu Universiti Malaysia Perlis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Malaysia Pahang berpeluang melanjutkan pengajian di 13 IOTI.

Katanya, kerjasama itu turut merangkumi program pertukaran pelajar dan kakitangan, pengajian pasca siswazah di Ireland, penyelidikan bersama serta penawaran biasiswa.

"Sebelum ini, kerjasama pendidikan dengan Ireland kebanyakannya dalam bidang perubatan saja, namun kini ia diperluas kepada teknikal menerusi persetujuan dicapai dalam mesyuarat antara MTUN dengan IOTI di Putrajaya, bulan lalu.

"Jalinan kerjasama ini bukan saja membabitkan penawaran peluang melanjutkan pengajian malah pelbagai kegiatan akademik dan kajian dalam bidang teknikal," katanya dalam kenyataan media, baru-baru ini.

Idris berkata, penubuhan universiti teknikal bertujuan melaksanakan pembelajaran berorientasikan praktikal dalam pengajian teknikal supaya pelajar universiti itu dapat mengikuti sesi praktikal intensif bagi memastikan mereka dapat bekerja tanpa perlu menjalani latihan yang lama.